

01/12/2015
mls 24



GALERI Tuanku atau perpustakaan peribadi milik Sultan Nazrin di Petaling Jaya menempatkan koleksi lebih kurang 30,000 buah buku.



MEMBACA dan mengumpul buku telah sebatih dalam jiwa baginda sejak kecil.



SULTAN Nazrin berjalan menuruni salah satu anak tangga di Galeri Tuanku.



SULTAN Nazrin Shah berkenan membaca senaskhah buku di Galeri Tuanku.



SULTAN NAZRIN berkenan menerima kunjungan bekas Perdana Menteri Tun/Abdullah Ahmad Badawi di Galeri Tuanku baru-baru ini.



SULTAN Nazrin berkenan menunjukkan gambar baginda ketika zaman persekolahan di Galeri Tuanku baru-baru ini.

Sultan Nazrin memiliki 30,000 koleksi buku

Perpustakaan peribadi Sultan Nazrin di Petaling Jaya diilhamkan oleh baginda sendiri dan menjadi tempat kegemaran meluangkan masa lapang.



SULTAN NAZRIN SHAH memberikan gaya bersahaja ketika ditemui di Galeri Tuanku.

MEMILIKI ketinggian budi pekerti, berilmu pengetahuan dan sentiasa melahirkan buah fikiran bernas dalam setiap titah perintah, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sentiasa meletakkan ilmu dan buku sebagai harta yang amat bernilai dalam kehidupan baginda.

“Ilmu itu sangat luas dan akan sentiasa ada yang baharu, hanya dengan mencintai ilmu dan buku membolehkan kita mengejar perkembangan dunia, malah dengan membaca menjadikan kita bertambah pengetahuan seterusnya mampu membentuk etika diri yang hebat,” titah baginda.

Sultan Nazrin Shah bertitah demikian pada pertemuan santai bersama pemberita di sebuah perpustakaan peribadi milik baginda di Petaling Jaya baru-baru ini.

Perpustakaan peribadi yang menyimpan kira-kira 30,000 koleksi buku itu adalah hasil ilham baginda sendiri. Ia menjadi lokasi kegemaran baginda meluangkan masa lapang.

Kecintaan baginda terhadap buku adalah nilai yang perlu ditanam dalam jiwa seseorang sejak kecil. “Setiap kali keluar, perkara pertama yang beta cari ialah kedai buku, beta pernah membeli buku sehingga penuh sebuah troli, malah beta mampu habiskan masa membaca sepanjang hari dari pagi hingga malam.



GAMBAR kenangan Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah bersama Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim dan anakanda-anakanda diletakkan di sudut menarik di Galeri Tuanku.

“Anak-anak juga menunjukkan minat yang sama, setiap malam sebelum tidur beta meluangkan masa membacakan buku kepada mereka, jika ada urusan di luar beta tetap cuba berangkat pada waktunya dan luangkan masa membaca bersama,” titah baginda.

Perpustakaan

Baginda bertitah, membaca dan mengumpul buku telah sehati dalam jiwa baginda sejak kecil. Ia merupakan faktor yang mendorong Sultan Nazrin merealisasikan sebuah perpustakaan bagi menepatkan koleksi bacaan baginda.

“Disebabkan buku beta terlalu banyak ia selalu bersepah di merata-rata tempat, apabila beta perlukan sukar untuk dicari. Beta kata kepada arkitek, beta bukan mahu kan perpustakaan dalam rumah tetapi rumah dalam perpustakaan,” titah baginda.

Perpustakaan peribadi Sultan Nazrin yang berkonsep moden kontemporari itu memuatkan koleksi buku pelbagai genre.

HIASAN dalam perpustakaan peribadi milik Sultan Nazrin bercirikan moden, menyerlahkan lagi suasana Galeri Tuanku.

Antara bahan bacaan kegemaran baginda ialah buku ekonomi, falsafah, sejarah dan politik.

Baginda bertitah, walaupun teknologi moden berkembang pesat dengan buku boleh dibaca atas skrin, buku mempunyai nilai tersendiri dan pilihan terbaik untuk diberi sebagai hadiah.

“Mungkin beta *old fashion*, pada beta buku lebih mesra, boleh dipegang, boleh dibelek setiap helaian, boleh ditulis nota pada permukaannya, zaman sekarang ramai berminat membaca atas skrin. “Buku adalah hadiah terbaik dan apabila beta merasakan sesebuah buku itu bagus kandungannya beta akan membelinya untuk dihadiahkan kepada orang lain,” titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah, rakyat perlu sedar peranan sebuah buku dan kepentingan ilmu pengetahuan supaya minat membaca itu sentiasa subur.

“Berusahalah mendisiplinkan diri untuk membaca beberapa jam setiap hari, lakukannya secara konsisten, pupuklah minat terhadap ilmu dengan cara yang menyeronokkan, gunakanlah apa sahaja medium bersesuaian asalkan tidak berhenti mencari ilmu,” titah baginda.

Antara kegemaran lain Sultan Nazrin ialah mengumpul manuskrip lama, lukisan daripada pelukis tempatan serta menulis, baginda juga berhasrat membuka sebuah galeri foto peribadi di Kuala Kangsar atau di Ipoh, Perak. - Bernama